PENDAKWA RAYA

lwn.

LIN AH HOI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
AZMEL MAAMOR PK
[PERBICARAAN JENAYAH NO. 47-19-89]
19 MAC 1992

PROSEDUR JENAYAH: *Mengedar dadah berbahaya - Kegagalan pegawai polis yang menangkap menjadi saksi - Sakit tenat - Cubaan mengemukakan percakapan s. 112 Kanun Acara Jenayah di bawah s. 32(b) Akta Keterangan 1950 - Samada pertalian keterangan terputus - Kemasukan keterangan di bawah s. 27 Akta Keterangan 1950 - Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952.*

Yang tertuduh (YKT) telah dituduh mengedar dadah berbahaya bertentangan dengan s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta berkenaan). YKT telah ditangkap didalam satu serbuan polis yang diketuai oleh satu Inspektor Ahmad Rashid (A) keatas sebuah rumah di Kuala Lumpur. Tiada dadah telah dijumpai pada badan atau biliknya tetapi setelah ditanya oleh A dimana YKT simpan dadah berbahaya YKT telah menunjukkan kepada A dan anggota polis lain satu tempat dibawah penutup konkrit longkang dirumah tersebut dimana sejumlah 29 peket plastik yang disyaki mengandungi dadah berbahaya telah dijumpai dan seterusnya dirampas oleh pihak polis dan YKT ditangkap oleh A. 29 peket plastik tersebut telah dihantar ke Jabatan Kimia dan ahli kimia SP3 mengesahkan telah menerimanya dan diatas penganalisaannya ekshibit tersebut mengandungi dadah heroin seberat 16.76 gram.

Di dalam kes pendakwa A tidak dikemukakan sebagai saksi kerana beliau sakit tenat. Perkara ini disahkan oleh seorang doktor kepada Mahkamah. Oleh sedemikian pihak pendakwa cuba mengemukakan percakapan A yang dibuat dibawah s. 112 Kanun Acara Jenayah dengan bersandarkan s. 32(b) Akta Keterangan 1950. Mahkamah juga telah menimbangkan samada talian keterangan mengenai perjalanan barang-barang ekshibit telah terputus memandangkan A yang telah merampas barang ekshbit dan menyimpannya selama 5 jam sebelum diserahkan kepada pegawai penyiasat tidak dikemukakan sebagai saksi.

Pihak pendakwa juga berasaskan s. 27 Akta Keterangan 1950 bagi memasukkan keterangan bahawa dadah yang dijumpai didalam longkang adalah hasil penerangan YKT kepada A apabila A menyoalnya dimana YKT menyimpan dadah berbahaya. Saksi pendakwa SP4 telah bertugas sebagai penterjemah diantara YKT dan A dan dikemukakan oleh pendakwa bagi mengemukakan keterangan mengenai keadaan dan cara dadah itu dijumpai.

Diputuskan:

[1] Mahkamah perlu betul-betul berpuashati isi kandungan atau keterangan yang hendak dikemukakan di bawah s. 32(b) Akta Keterangan 1950 adalah benar tanpa memerlukan menguji kebenarannya melalui pemeriksaan balas oleh pihak pembela.

[2] Percakapan A dibawah s. 112 Kanun Acara Jenayah (KAJ) tidak boleh dikemukakan dibawah s. 32(b) Akta Keterangan 1950 (AK) kerana:

(a) Keraguan percakapan di bawah s. 112 KAJ termasuk di bawah dokumen-dokumen yang dimaksudkan dibawah s. 32(b) AK;

(b) percakapan dibawah s. 112 KAJ tersebut telah direkod oleh pegawai penyiasat dan bukan oleh A sendiri seperti dibawah kehendak s. 32(b) AK;

(c) A mempunyai kepentingan sendiri di atas apa yang ditulisnya kerana adalah jelas A mahukan tuduhan terhadap YKT disahkan oleh Mahkamah; dan

(d) percakapan tersebut tidak disimpan oleh A sendiri "kept in the ordinary course of business or in the discharge of professional duty" tetapi disimpan didalam kertas penyiasatan sahaja.

[3] Oleh kerana A tidak dipanggil sebagai saksi pertalian keterangan mengenai perjalanan ekshibit terputus kerana:

(a) saksi pendakwa tidak tahu dapat menerangkan dengan sah bahawa peket-peket plastik yang dikatakan mengandungi heroin adalah peket-peket plastik yang dijumpai dilongkang dan yang telah diserahkan kepada pegawai penyiasat; dan

(b) Keraguan yang timbul kerana 3 paket yang dijumpai ditempat sama tetapi dimiliki oleh suspek yang lain juga dirampas bersama 29 peket yang dijumpai dilongkang tersebut.

[4] Oleh kerana ketidak sempurnaan keterangan SP4 keseluruhannya kerana telah berdolak dalik atau tidak berapa pasti tentang perkara yang telah berlaku ditempat kejadian serta tiada sebarang sokongan dari saksi-saksi lain adalah tidak selamat memberi kepercayaan penuh dan bergantung sebulat-bulat di atas keterangan SP4 dibawah s. 27 AK berkaitan cara mana dadah tersebut telah dijumpai oleh A.

[5] Di atas keraguan didalam kes pihak pendakwa dan kegagalan mengemukakan satu kes *prima facie* terhadap YKT Mahkamah memutuskan YKT dilepaskan dan dibebaskan daripada tuduhan tanpa menyuruhnya membela diri.

[Yang tertuduh dibebaskan.]

Kes yang dirujuk:
Pang Chee Meng v. PP [1992] 1 CLJ (Rep) 265 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 39B(1)(a), 39B(2)
Evidence Act 1950, ss. 27, 32(b)
Criminal Procedure Code, s. 112

Sumber lain yang dirujuk:
Sarkar on Law of Evidence, 13th Edn.

Bagi pihak pendakwa raya - Ahmad b. Bache
Bagi pihak yang tertuduh - Mohd. Shafee Abdullah; T/n. Shafee & Co.

PENGHAKIMAN

Azmel Maamor PK:

Yang kena tuduh telah didakwa di atas satu tuduhan mengedar dadah berbahaya seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 28 September 1988 kira-kira pukul 4.25 petang di rumah No. 177, Batu 4 1/2 Jalan Gombak dalam Bandaraya Kuala Lumpur di dalam Wilayah Persekutuan, telah melakukan kesalahan mengedar dadah berbahaya iaitu heroin seberat 16.76 gram dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah s. 39B(l)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama.

Kes bagi pihak pendakwa adalah dengan ringkasnya seperti berikut. Pada 28 September 1988 lebih kurang pukul 4.00 petang di atas maklumat yang diterima satu pasukan polis seramai 12 orang dari Cawangan Anti-Dadah Kuala Lumpur yang diketuai oleh Inspektor Ahmad Rashid

telah membuat serbuan di dalam satu rumah No. 177, Batu 4 1/2 Jalan Gombak, Kuala Lumpur. Yang Kena Tuduh telah dijumpai sedang duduk di bahagian dapur rumah tersebut. Waktu diperiksa tidak ada apa-apa dijumpai di badannya. Selepas itu YKT telah membawa Insp. Ahmad Rashid, D/Korporal Tan Kim Huat (SP4) dan anggota polis yang lain ke biliknya di bahagian atas rumah tersebut. Waktu bilik itu diperiksa tidak ada apa-apa didapati. Waktu di dalam bilik tersebut Insp. Ahmad Rashid telah menyoal YKT di dalam Bahasa Malaysia.

"Di mana lu simpan itu pek hoon?" ('Pek hoon' di dalam Bahasa Hokkien ialah dadah).

Dengan itu YKT telah membawa Insp. Ahmad Rashid bersama-sama anggota polis yang lain termasuk D/Korporal Tan (SP4) ke bahagian bawah rumah tersebut berdekatan dengan longkang yang bertutup dengan 'concrete slab'. Apabila sampai di tepi longkang itu Insp. Ahmad Rashid sekali lagi bertanya kepada YKT.

"Di mana kamu simpan itu pek hoon?" YKT selepas itu telah membuka concrete slab yang menutup longkang itu dan didapati satu ketul batu bata. Apabila batu bata itu diangkat didapati peket-peket plastik yang diikat dibatu bata itu dengan seutas dawai. Peket-peket plastik itu berada di dalam 3 ikatan, 2 ikatan mengandungi 10 peket plastik tiap-tiap satu dan ikatan yang ketiga mengandungi 9 peket plastik. Ada didapati 29 peket plastik semuanya. Oleh itu YKT telah pun ditangkap dan dibawa ke Pejabat Cawangan Anti-Dadah bersama barang kes yang dirampas. Sebelum itu Insp. Ahmad Rashid telah juga menangkap seorang suspect Ling Chai Huen yang dijumpai di dalam satu bilik di dalam rumah tersebut. Ling Chai Huen telah didapati memiliki 3 peket plastik yang disyaki mengandungi dadah heroin. Ling Chai Huen juga dibawa ke Pejabat Cawangan Anti Dadah Bukit Aman bersama-sama YKT.

Mengikut keterangan Pegawai Penyiasat Insp. Hassan Jalaluddin (SP2) pada 28 September 1988 jam 9.00 malam, Insp. Ahmad Rashid telah menyerahkan YKT kepadanya bersama-sama barang kes termasuk 29 peket-peket plastik yang disyakki mengandungi dadah heroin. Peket-peket plastik yang mengandungi dadah heroin itu telah dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisakan. Encik Woo Kai Heng, Ahli Kimia (SP3) telah mengesahkan bahawa ia telah menerima exhibit dari Insp. Hassan Jalaluddin dan telah pun menjalankan penganalisaan terhadap exhibit tersebut. SP3 mengesahkan exhibit tersebut mengandungi dadah heroin dan beratnya ialah 16.76 gram.

Pihak pendakwa telah memberitahu bahawa Insp. Ahmad Rashid tidak dapat hadir di Mahkamah oleh kerana ia sedang sakit tenat. Penyakit Insp. Ahmad Rashid ini telah diterangkan oleh Dr. Jamalil bin Salim (SPl). SPl telah mengesahkan bahawa Insp. Ahmad Rashid tidak berupaya hadir ke Mahkamah untuk memberi keterangan.

Oleh kerana Insp. Ahmad Rashid tidak boleh hadir pihak pendakwa telah memohon untuk mengemukakan percakapannya yang diambil di bawah s. 112 Kanun Acara Jenayah. Pihak pendakwa merujuk kepada s. 32(b) Akta Keterangan 1950.

Setelah mendengar hujah-hujah yang dikemukakan oleh peguambela dan juga Timbalan Pendakwa Raya dan juga mengkaji dengan teliti kandungan s. 32(b) Akta Keterangan serta juga mengambil kira tujuan dan maksud s. 32(b) Akta Keterangan dari commentaries oleh *Sarkar* on *Law of Evidence* (13th. Edn.) saya berpendapat bahawa sebelum keterangan-keterangan yang hendak dikemukakan di bawah s. 32(b) Akta Keterangan Mahkamah hendaklah betul-betul berpuashati bahawa isi kandungan dokumen atau keterangan itu adalah benar (truthful) dengan tidak payah diuji kebenarannya melalui keterangan balas (cross-examination) oleh pihak pembela.

Di dalam perkara ini sungguhpun Insp. Ahmad Rashid termasuk di dalam satu daripada golongan orang yang disebut di perenggan permulaan s. 32 Akta Keterangan ("person ... who has become incapable of giving evidence") tetapi samada percakapannya dibawah s. 112 Kanun Acara Jenayah itu boleh dikemukakan di bawah s. 32(b) Akta Keterangan adalah dipertikaikan. Isu yang ditimbulkan ialah samada statement Insp. Ahmad Rashid itu termasuk di dalam statement made "in the ordinary course of business and in particular when it consists of any entry or memorandum made by him in books kept in the ordinary course of business or in the discharge of professional duty."

Berpandukan kepada tujuan dan maksud s. 32 Akta Keterangan keseluruhannya termasuk illustrations yang digambarkan di dalamnya dan mengambil kira commentaries oleh *Sarkar on Law of Evidence* sebagai panduan, saya berpendapat adalah tidak selamat untuk menerima percakapan Insp. Ahmad Rashid sebagai satu keterangan yang betul-betul boleh dipercayai tanpa diuji dengan keterangan balas oleh pihak pembela. Tambahan lagi adalah dipersoalkan samada percakapan yang diambil di bawah s. 112 Kanun Acara Jenayah ini adalah termasuk di dalam golongan dokumen yang dimaksudkan di bawah s. 32(b) Akta Keterangan. Satu daripada sebabnya ialah dokumen yang dimaksudkan di bawah s. 32(b) Akta Keterangan hendaklah ditulis oleh saksi itu sendiri, tetapi percakapan di bawah s. 112 Kanun Acara Jenayah adalah direkodkan oleh pegawai penyiasat. Apa yang lebih penting si penulis dokumen itu tidak ada kepentingan sendiri (personal interest) di atas apa yang ditulisnya. Di dalam perkara ini Insp. Ahmad Rashid ada kepentingannya terhadap YKT. Insp. Ahmad Rashid telah menangkap YKT yang disyaki telah memiliki dadah heroin. Jelaslah Insp. Ahmad Rashid mahukan tuduhan terhadap YKT disahkan oleh Mahkamah. Tambahan pula statementnya itu bukan disimpan oleh Insp. Ahmad Rashid sendiri, "kept in the ordinary course of business or as the discharge of professional duty". Mengikut Timbalan Pendakwa Raya statement itu disimpan di dalam investigation paper file sahaja.

Di atas alasan-alasan yang saya sebutkan di atas saya telah memutuskan bahawa percakapan Insp. Ahmad Rashid yang dibuat di bawah s. 112 Kanun Acara Jenayah tidak boleh dikemukakan di bawah s. 32(b) Akta Keterangan. Saya juga berpendapat kebenaran statement itu tanpa diuji dengan keterangan balas oleh pihak pembela sangatlah disangsikan.

Insp. Ahmad Rashid tidak dipanggil sebagai saksi. Oleh kerana Insp. Ahmad Rashidlah pegawai polis yang merampas barang exhibit yang disyaki dadah heroin yang dijumpai di longkang di rumah tempat kejadian dan Insp. Ahmad Rashidlah yang menyimpannya sehingga barang-barang itu diserahkan kepada pegawai penyiasat (SP2) lebih kurang 5 jam kemudiannya maka pertalian keterangan (chain of evidence) mengenai perjalanan barang-barang exhibit itu telah terputus. Saksi pendakwa yang tidak tahu atau tidak dapat menerangkan dengan sah bahawa peket-peket plastik yang disyaki mengandungi dadah heroin yang dijumpai di dalam longkang itu adalah paket-paket yang diserahkan kepada pegawai penyiasat SP2. Di dalam hal ini keraguan telah juga ditimbulkan oleh adanya keterangan bahawa ada lagi 3 peket yang disyaki mengandungi dadah heroin yang dijumpai di tempat yang sama tetapi dimilikki oleh seorang suspect yang lain, Ling Chai Huen dan juga diambil oleh Insp. Ahmad Rashid bersama-sama dengan 29 peket-peket plastik yang dijumpai di dalam longkang.

Ketidakhadiran Insp. Ahmad Rashid sebagai saksi pihak pendakwa telah juga menjejaskan kemasukan keterangan di bawah s. 27 Akta Keterangan. Dadah yang didapati di dalam longkang itu adalah hasil dari penerangan yang diberi oleh YKT kepada Insp. Ahmad Rashid. Insp. Ahmad Rashid telah menyoal YKT, "Dimana lu simpan itu pek hoon?" Dari persoalan itu YKT telah membawa Insp. Ahmad Rashid dan anggota polis yang lain ke tempat longkang itu di mana dadah telah dijumpai di dalam longkang. Peristiwa ini diceritakan oleh SP4, Tan

Kim Huat seorang yang berpangkat Koporal. Mengikut SP4 dia telah bertugas sebagai penterjemah di antara Insp. Ahmad Rashid dengan YKT dari Bahasa Malaysia ke Bahasa Hokkien.

Dari keterangan dan jawapan yang diberi oleh SP4 di Mahkamah adalah diperhatikan bahawa SP4 telah memberi keterangan yang berdolak dalik atau tidak berapa pasti tentang perkara yang telah berlaku di tempat kejadian. SP4 mula-mula berkata dia telah terjemahkan soalan Insp. Ahmad Rashid kepada YKT di kedua-dua tempat iaitu di dalam bilik YKT dan sekali lagi dekat dengan longkang. Kemudian SP4 telah meminda keterangannya dengan mengatakan dia cuma menterjemahkan soalan Insp. Ahmad Rashid kepada YKT waktu mereka berada di tepi longkang. Dia tidak terjemahkan soalan yang dibuat waktu di dalam bilik YKT pada kali yang pertama. Mengapakah SP4 boleh tersilap di dalam keterangannya yang begitu penting. Jikalau ia betul-betul bertugas sebagai penterjemah bagi Insp. Ahmad Rashid mengapakah ia cuma menterjemah soalan yang dibuat oleh Insp. Ahmad Rashid waktu berada dekat dengan longkang. Bahkan soalan yang dibuat di dalam bilik YKT adalah lebih penting oleh kerana akibat dari soalan itu YKT telah membawa Insp. Ahmad Rashid ke tempat di mana dadah heroin itu dijumpai. Adalah diperhatikan juga SP4 tidak dapat menjawab soalah-soalan yang dikemukakan oleh Peguambela atau mengatakan dia tidak pasti. Di dalam kes ini pihak pendakwa tidak pula memanggil saksi-saksi lain bagi menyokong keterangan SP4 terutamanya mengenai keterangan di bawah s. 27 Akta Keterangan. Menyedari betapa senangnya s. 27 ini disalahgunakan maka saya tidak puas hati dengan keterangan SP4 mengenai keadaan dan cara dadah heroin itu dijumpai di longkang tersebut tanpa sokongan dari saksi-saksi yang lain. Di dalam kes *Pang Chee Meng lwn. Pendakwa Raya* (lihat [1992] 1 CLJ (Rep) 265), YAA Abdul Hamid Omar KHN berkata:

> While this section, an exception to other laws in the particular respect, is very useful to the detection of crimes, the founding fathers of jurisprudential textbooks on the Indian Evidence Act which is in *pari materia* with our Ordinance, have emphasized on the question of discovery that "Section 27" has frequently been misused by the Police and the Courts should be vigilant about the circumvention of its provision. The protection afforded by the wholesome provisions of ss. 25 and 26 may sometimes be whittled down by the police by their ingenuity to get the information given by the accused in the case diary in a way it would appear that it led to the discovery of some facts although the police might have made such discovery from other sources.

Memandangkan kepada ketidaksempurnaan keterangan SP4 keseluruhannya tanpa apa-apa sokongan dari saksi-saksi yang lain saya berpendapat adalah tidak selamat memberi kepercayaan penuh dan sebulat-bulat bergantung dengan keterangan SP4 di bawah s. 27 Akta Keterangan berkaitan dengan caramana dadah itu dijumpai oleh Insp. Ahmad Rashid.

Di atas keraguan yang telah didapati di dalam kes pihak pendakwa itu saya berpendapat pihak pendakwa tidak dapat mengemukakan satu kes *prima facie* terhadap YKT. Oleh yang demikian saya memutuskan supaya YKT dilepaskan dan dibebaskan dari tuduhan ini tanpa menyuruhnya membela diri.

Also found at [1992] 3 CLJ 1375